



## **KENYATAAN MEDIA**

### **JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**

**TARIKH: 1 MUHARAM 1439H / 22 SEPTEMBER 2017**

---

## **IMIGRESEN AKAN TOLAK KEMASUKAN PESERTA DAN PENGANJUR PESTA GAY**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan tegas akan menolak kemasukan individu atau penganjur yang cuba memasuki negara ini untuk menyertai pesta gay yang dirancang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 30 September ini. Tindakan yang tegas ini di ambil selaras dengan arahan daripada YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

JIM akan bekerjasama dengan agensi penguatkuasa yang lain bagi mengesan dan memastikan individu-individu ini tidak memasuki negara. Jika dikesan individu-individu ini cuba memasuki negara, mereka akan di berikan Notis Penolakan Masuk (NTL) dibawah Sek. 8 Akta Imigresen 1559/63.

JIM dengan tegas tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba membawa gejala yang tidak sihat, tidak bermoral dan yang boleh mengancam ketenteraman awam, keselamatan dan kedaulatan negara ini.

Untuk makluman dari 1 Januari 2017 sehingga 30 Jun 2017 seramai 46,551 individu telah ditolak kemasukan ke Negara ini (NTL) di atas pelbagai kesalahan Imigresen.

**#TAMAT#**

**DATO' SERI HAJI MUSTAFAR BIN HAJI ALI**  
**KETUA PENGARAH**  
**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**